

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA)

TARIKH: 7 OGOS 2017

MUKA SURAT: 30



PESERTA tekun mendengar penerangan daripada ahli bomba dan penyelamat mengenai cara-cara mencegah kebakaran dalam program Latihan Keselamatan Untuk Kanak-Kanak Cerebral Palsy di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Program latihan keselamatan dapat sambutan

KUALA LUMPUR 6 Ogos - Program Latihan Keselamatan Untuk Kanak-kanak Cerebral Palsy anjuran Persatuan Orang Kota Bharu-Orang Kurang Upaya (POKB-OKU) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur di Pusat Pembelajaran Awam, Jalan Hang Tuah baru-baru ini mendapat sambutan menggalakkan.

Turut menjayakan program Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia dan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Program yang julung kali diadakan itu dianjurkan atas inisiatif Presiden POKB, Datuk Sheikh Ah-



Pihak OKB OKU juga berhasrat untuk meneruskan usahasama ini untuk golongan orang kurang upaya bagi kategori lain seperti autisme, sindrom down, cacat penglihatan."

**SHEIKH AHMAD DUSUKI
SHEIKH MOHAMAD
Presiden POKB**

mad Dusuki Sheikh Mohamad dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat WP Kuala Lumpur, Tuan Khirudin Drahrman.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program berlangsung termasuk ceramah keselamatan disampaikan oleh Pegawai Cawangan Kesedaran Keselamatan Awam, Mohammad Nu'aim Izuddin.

Sheikh Ahmad Dusuki berkata, penganjuran program bertujuan meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan pemahaman peserta tentang pencegahan kebakaran selain meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan pemahaman peserta tentang langkah-langkah keselamatan semasa kebakaran.

"Pihak OKB OKU juga berhasrat untuk meneruskan usahasama ini untuk golongan orang kurang upaya bagi kategori lain seperti autisme, sindrom down, cacat penglihatan dan sebagainya." katanva.